

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	NRES TELITI DRAF AKHIR E-SISA
	SUMBER	BH (1 APRIL 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	8 (NASIONAL)

NRES teliti draf akhir e-sisa

Mekanisme tangani sisa peralatan elektrik, elektronik akan dikuat kuasa tahun depan

Putrajaya: Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sedang meneliti draf akhir peraturan buangan peralatan elektrik dan elektronik bagi membolehkan Mekanisme Pengurusan Buangan Peralatan Elektrik dan Elektronik (e-sisa) yang dijana isi rumah di negara ini, dapat dikuatkuasakan tahun depan.

Menteri, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata mekanisme itu bertujuan menangani e-sisa yang dihasilkan isi rumah dan sektor bukan industri seperti komersial dan institusi.

Beliau berkata, mekanisme itu akan memabitkan pihak pengilang, pengimport, pengguna, pusat pengumpulan berdaftar dan pemerolehan kembali (premis kitar semula) yang dilesenkan di bawah Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Kerangka itu kita sudah ada, tetapi perlu disesuaikan dengan realiti sektor bukan industri, kemudian bila dah melalui proses libat urus dengan pihak berkepentingan kita akan ke peringkat seterusnya," katanya kepada BERNAMA.

Katanya, seperti negara lain, Malaysia tidak terkecuali untuk memastikan e-sisa yang dihasilkan dalam negara mesra alam melalui penambahbaikan perundangan dan pembangunan mekanisme pengurusan e-sisa.

Enam item kawalan

Mengulas lanjut Nik Nazmi berkata, peraturan yang dirangka menekankan konsep 'Tanggungjawab Pengeluar yang Diperluas dan Tanggungjawab Bersama' kepada semua pihak berkepentingan yang terbabit dalam menghasilkan enam item kawalan e-sisa iaitu peti ais, mesin basuh, telefon bimbit, komputer, penyaman udara dan televisyen.

"Menyedari peningkatan kuantiti e-sisa yang menjadi ancaman global ketika ini dan kepentingan serta keperluan sistem pengurusan khusus untuk menangani e-sisa, semakin banyak negara di dunia menggubal peraturan berkenaan perkara ini.

"Statistik menunjukkan e-sisa dilindungi oleh perundangan, polisi dan peraturan di 78 negara pada 2019 berbanding 61 negara pada 2014. Statistik ini menunjukkan kesedaran mengenai e-sisa mula meningkat," katanya.

Beliau berkata, Taiwan, Jepun dan Kesatuan Eropah menggubal peraturan e-sisa sejak lebih 20 tahun lalu, manakala sejak beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa negara jiran di Asia Tenggara juga menggubal peraturan e-sisa mereka sendiri.

Katanya, Malaysia perlu mempunyai satu garis panduan jelas berhubung pengurusan e-sisa terutama bagi menghindar pencemaran bahan berbahaya yang terkandung dalam sisa buangan berkenaan sekiranya tidak dilupuskan dengan cara betul.

"Selain itu perlombongan urban, iaitu usaha untuk mendapatkan semula logam mahupun bahan nadir bumi yang ada dalam e-sisa dan boleh dikitar semula menjadikan garis panduan itu amat penting," katanya.

Pada masa ini, sistem pelupusan e-sisa dilaksanakan pada peringkat industri manakala pelupusan pada peringkat isi rumah atau masyarakat awam tidak dilakukan secara sistematik dan hanya dibuang di tong sampah atau dibuang secara haram.

E-sisa yang dijana daripada proses perindustrian dikawal oleh JAS melalui Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dari mula ia dihasilkan sehingga dilupuskan.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan secara purata 7.6 kilogram e-sisa dijana oleh setiap individu pada 2021 yang secara keseluruhannya mencatatkan penjana e-sisa sebanyak 57.4 juta tan seluruh dunia.

BERNAMA

2.	TAJUK	INOVASI, TEKNOLOGI BAHARU MEMELIHARA 'PARU-PARU' BUMI
	SUMBER	BH ONLINE (1 APRIL 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

Inovasi, teknologi baharu memelihara 'paru-paru' bumi



Oleh [Ilah Hafiz Aziz](#) - April 1, 2024 @ 9:13am
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my



HUTAN dianggap sebagai 'paru-paru' bagi bumi dan pokok membersihkan udara dengan mengurangkan karbon dioksida sekali gus membantu mengawal iklim. Hutan penting untuk mengekalkan kehidupan di bumi dan memainkan peranan menangani perubahan iklim.

Tanggal 21 Mac diisytiharkan sebagai sebagai Hari Hutan Antarabangsa oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 2012, dalam usaha meningkatkan kesedaran manusia mengenai kepentingan semua jenis hutan dan tanggungjawab memeliharanya.

Tahun ini, ia diraikan dengan tema 'Hutan dan Inovasi: Penyelesaian Baru untuk Dunia Lebih Baik', menunjukkan ia bukan sahaja dilihat dari nilai intrinsik hutan tetapi juga kempen inovasi sebagai alat penting dalam pemeliharaan hutan.

Soalnya sejauh mana tahap kesedaran atau keinginan memelihara hutan dalam kalangan masyarakat moden hari ini yang lebih ketagih dengan gajet dan media sosial.

Pensyarah Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohd Hasmadi Ismail, berkata penyelesaian baharu untuk dunia lebih baik adalah seruan bagi memanfaatkan inovasi teknologi untuk mengatasi ancaman semakin meningkat seperti pembalakan haram, kemerosotan habitat dan perubahan iklim.

Katanya, mesej utama kempen tahun ini termasuk sistem pemantauan hutan untuk mengawasi dan melaporkan mengenai status hutan.

"Inovasi teknologi seperti dron adalah kunci dalam memerangi pembalakan haram dan kebakaran hutan. Inovasi dan teknologi mengubah cara pemantauan hutan, membolehkan negara mengesan dan melaporkan keadaan hutan mereka dengan lebih berkesan.

"Kira-kira 13.7 bilion tan pengurangan karbon dioksida hutan sudah dilaporkan kepada Konvensyen Kerangka Kerja PBB mengenai Perubahan Iklim melalui pemantauan hutan telus dan inovatif.

"Usaha membanteras pembalakan secara haram memerlukan kemajuan teknologi baharu. Dengan pengurangan kawasan hutan seluas 10 juta hektar setiap tahun dan kira-kira 70 juta hektar lagi terjejas akibat kebakaran, inovasi ini penting sebagai sistem amaran awal.

"Selain itu, pemuliharaan ekosistem, termasuk usaha penghijauan semula, dapat menyumbang secara berkesan kepada mitigasi perubahan iklim dan mendorong kepada pengeluaran hasil kayu mampan," katanya.

Malaysia kini bukan sekadar berdepan isu kehilangan biodiversiti, malah hutan negara juga berdepan dengan cabaran memerlukan strategi inovatif untuk memastikan keupayaan dan ketahanan ekosistem hutan.

Salah satu cabaran utama dihadapi hutan Malaysia adalah penggunaan tanah hutan disebabkan perluasan kawasan ladang dan pertanian, pembangunan infrastruktur dan amalan penggunaan tanah tidak mampan.

Mohd Hasmadi berkata, penggunaan strategi pemeliharaan secara inovatif seperti perancangan penyambungan landskap hutan menggunakan algoritma genetik boleh mengenal pasti koridor optimum untuk menyambung semula habitat terpisah, memudahkan pergerakan spesis dan meningkatkan kepelbagaian genetik.

"Selain itu, pelaksanaan inisiatif pemuliharaan berasaskan komuniti dengan mengupayakan masyarakat tempatan sebagai penjaga hutan warisan semulajadi akan mendorong mereka mempunyai rasa kepunyaan dan tanggungjawab terhadap pemeliharaan hutan.

"Perubahan iklim memburukkan lagi ketahanan hutan Malaysia dalam cuaca melampau, pola hujan berubah dan kebakaran hutan. Kaedah mengintegrasikan pengetahuan ekologi dengan teknologi moden, seperti penderiaan jarak jauh dan pemodelan prediktif membolehkan pengesanan awal dibuat dan menjaga ekosistem hutan serta perkhidmatan yang hutan berikan, termasuk penyerapan karbon dan pengawalan air," katanya.

Beliau berkata, menyeimbangkan pembangunan ekonomi dengan pemuliharaan alam sekitar sangat penting untuk pengurusan lestari hutan Malaysia. Ia mampu dilakukan melalui pendekatan inovatif seperti pengurusan hutan berasaskan ekosistem, memberi keutamaan kepada pemeliharaan integriti ekologi sambil membenarkan pengeluaran sumber hutan mampan.

"Skim pensijilan mampan seperti Forest Stewardship Council (FSC) memberi insentif kepada amalan pengurusan hutan bertanggungjawab dan meningkatkan keupayaan pasaran produk kayu sambil memelihara ekosistem hutan.

"Dalam era digital, teknologi kecerdasan buatan (AI) dan teknologi seperti penderiaan jarak jauh mengubah pengurusan hutan. Algoritma berpandukan AI mampu

menganalisis imej satelit untuk mengesan pembalakan hutan secara langsung, membolehkan tindakan pantas dan membuat keputusan.

"Teknologi dron dilengkapi dengan kamera beresolusi tinggi boleh memantau kawasan tidak dapat diakses seterusnya menyediakan data berharga untuk usaha pemuliharaan.



Membentuk Malaysia yang lebih hijau

Kata Mohd Hasmadi lagi, Hari Antarabangsa Hutan 2024 meraikan simbiosis inovasi dan tanggungjawab alam sekitar, membayangkan masa depan yang mana pembangunan hutan berkembang maju di tengah kemajuan teknologi.

"Sambil kita menerima inovasi sebagai pemangkin untuk pemeliharaan hutan, mari kita bertekad ke arah ekosistem berkembang dan mempertahankan prinsip kelestarian teguh," katanya.

Beliau berkata, Malaysia yang lebih hijau perlu dibentuk menerusi konsep manusia dan alam sekitar hidup berdampingan secara harmoni, memastikan hutan warisan negara kekal teguh untuk generasi akan datang.

"Kebijaksanaan kita secara bersama akan membuka jalan bagi hari esok yang lebih baik," katanya.

1) Punca geobencana utama

Gangguan manusia termasuk kegiatan pembalakan, penerokaan, pembukaan tanah dan penempatan yang mana dalam skala kecil sekalipun, akan memburukkan keadaan sehingga menyebabkan kemusnahan terhadap keseimbangan ekosistem.

2) Konflik hidupan liar

Kekurangan makanan untuk haiwan seperti babi hutan, kijang, pucuk kayu dan sebagainya menyebabkan banyak hidupan liar seperti harimau belang, harimau kumbang dan gajah semakin kerap memasuki kawasan habitat manusia

3) Kemusnahan kawasan tadahan hujan

Kegiatan pembalakan dan pembersihan tanah itu juga telah menjejaskan kehidupan ribuan pengguna air termasuk para pesawah yang mengusahakan tanaman padi. Ia juga menyebabkan kawasan tadahan air terjejas dan sumber bekalan air masyarakat dicemari lumpur

4) Ancaman biodiversiti

Pengurangan ekosistem kepada satu per sepuluh jumlah asal akan menyebabkan sesetengah daripada spesies mengalami kepupusan. Sebagai contoh, haiwan aras tertinggi dalam kitar makanan seperti singa, beruang, harimau, gajah dan sebagainya memerlukan habitat yang luas bagi memastikan jumlah spesies terus dapat dikekalkan.

5) Kurangnya litupan hutan

Global Forest Watch (GFW) menganggarkan Malaysia sudah menebang hutan seluas 349,244 hektar, dengan Sarawak dan Pahang mengalami kadar penebangan hutan tertinggi antara 2017 dan 2021.

Aktiviti pembersihan hutan berpotensi mengurangkan litupan hutan Malaysia kepada 15,636,737 hektar atau 47.35 peratus daripada keluasan tanah seluruh negara pada masa depan.

3.	TAJUK	DEWAN RAKYAT LULUS RUU KUALITI ALAM SEKELING PINDAAN 2023
	SUMBER	BH ONLINE (25 MAC 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

Najis ternakan babi cemar Sungai Tamparuli

Oleh [Johary Indan](#) - April 2, 2024 @ 9:07am
bhnews@bh.com.my



Air sungai berubah warna menjadi kehijauan berpunca ladang ternakan babi di Kampung Bawang, Tamparuli. - Foto NSTP/JOHARY INDAN

TAMPARULI: Penternak babi di Kampung Bawang, di sini, didakwa membuang najis haiwan ke sungai sejak beberapa tahun lalu menyebabkan air Sungai Kampung Bawang tercemar.

Sungai terbabit digunakan penduduk setempat, malahan mengalir di Loji Rawatan Air Telibong sebelum disalurkan kepada pengguna di Tuaran, Tamparuli dan Kota Kinabalu.

Tinjauan mendapati air sungai berhampiran ladang ternakan babi itu bertukar warna menjadi kehijauan, selain berbau busuk.

Penduduk, Amy James, 37, mendakwa bukan hanya air sungai di Kampung Bawang yang terjejas teruk, malahan kualiti udara di kawasan kampung juga tercemar dengan bau busuk setiap hari.

"Pelbagai usaha sudah penduduk lakukan termasuk melaporkan perkara itu kepada pihak berkuasa, namun ladang ternakan babi itu masih terus beroperasi.

"Apa yang berlaku sejak kewujudan ladang ternakan itu, sungai Kampung Bawang tercemar teruk oleh najis haiwan itu," katanya.

Menurut beliau, ada penduduk masih menggunakan air sungai tercemar itu terutama ketika cuaca panas ketika ini.

Seorang lagi penduduk, Voyed Jibil, 38, mengakui tidak tahan lagi dengan kewujudan ladang ternakan babi itu, yang najisnya mencemarkan air sungai dan kualiti udara Kampung Bawang.

"Pengusaha ladang ternakan babi itu benar-benar tidak bertanggungjawab apabila semenang-wenangnyanya membuang najis haiwan itu ke dalam sungai berhampiran.

"Pemilik ladang itu sedar perbuatan itu salah kerana mencemarkan sumber air Loji Rawatan Air Telibong, namun berpura-pura tidak tahu," katanya.

Sebelum ini, pencemaran itu didedahkan seorang pengguna media sosial yang memuat naik rakaman video menunjukkan aliran air berbau busuk dan kotor dari kolam takungan najis babi mengalir ke sungai berhampiran.

Berikutan itu, pasukan pegawai dari Jabatan Veterinar meninjau ladang ternakan babi itu untuk menyiasat dakwaan terbabit.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahli Parlimen Tuaran, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, berkata pusat khidmat Parlimen Tuaran bersama-sama pihak berkuasa sudah membuat pemeriksaan di sungai.

Katanya, pihak berkuasa akan mengambil tindakan lanjut.

4.	TAJUK	SKIM GAJI BAHARU PERKHIDMATAN AWAM DIUMUM OKTOBER
	SUMBER	BH (4 APRIL 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	PERKHIDMATAN AWAM
	MUKA SURAT/RUANGAN	2 (NASIONAL)



Kerajaan berikrar lancarkan satu set garis panduan baharu bagi skim gaji perkhidmatan awam negara menjelang akhir tahun depan. (Foto hiasan)

Skim gaji baharu perkhidmatan awam diumumkan Oktober

Pengumuman rasmi dijangka dibuat ketika pembentangan Belanjawan 2025

Oleh Qistina Sallehuddin dan Nor Ain Mohamed Radhi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengumuman rasmi skim gaji baharu perkhidmatan awam dijangka dibuat ketika pembentangan Belanjawan 2025 pada Oktober, tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) mengenai skim baharu itu sedang pada peringkat akhir dan akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan selanjutnya.

"Penjajaran gaji penjawat awam adalah antara fokus dan komitmen kerajaan dalam pelaksanaan SSPA.

"Bagi memastikan skim yang adil dan munasabah dapat direalisasikan, perkara itu juga sudah digariskan di bawah strategi meningkatkan pendapatan pelupusan penjawat awam dalam menangani peningkatan kos sara hidup.

"Berdasarkan rancangan itu, pengumuman rasmi dijangka dibuat ketika pembentangan Bajet 2025 pada Oktober tahun ini," katanya dalam jawapan bertulis yang disiarkan laman web Parlimen.

Dr Zaliha berkata demikian sebagai maklum balas kepada Tan Sri Anifah Aman yang bertanyakan kepada Perdana Menteri Da-

tuk Seri Anwar Ibrahim mengenai status proses penyelarasan gaji penjawat awam.

Isa susulan pengumuman kerajaan bahawa bermula 1 Februari ini penjawat awam tidak lagi layak mendapat pencen, sebaliknya akan mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Kajian perlu penyelarasan

Terdahulu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan berikrar untuk melancarkan satu set garis panduan baharu bagi skim gaji perkhidmatan awam negara menjelang akhir tahun depan.

Katanya, kajian penjajaran gaji lazimnya dijalankan setiap 10 tahun, memerlukan penyelarasan yang meluas di pelbagai jabatan kerajaan.

Bagi pastikan skim yang adil dan munasabah dapat direalisasikan, perkara itu juga sudah digariskan di bawah strategi tingkatkan pendapatan pelupusan penjawat awam dalam menangani peningkatan kos sara hidup.

Dr Zaliha Mustafa,
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)



5.	TAJUK	OPS GEMPUR RAYA SERBU KILANG CEMAR ALAM
	SUMBER	BH (5 APRIL 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	18 (NASIONAL)

Ops Gempur Raya serbu kilang cemar alam

Shah Alam: Sebanyak 97 tindakan diambil terhadap kilang yang didapati melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 menerusi Ops Gempur Raya di seluruh negara, setakat ini.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata ia berdasarkan statistik dari 17 Mac hingga kelmarin, membabitkan 203 pemeriksaan.

Daripada jumlah itu, katanya, 39 kompaun bernilai RM78,000 dikeluarkan terhadap kilang yang didapati melanggar AKAS 1974.

"Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengeluarkan 50 notis arahan, lima penahanan operasi kelengkapan dan tiga kertas siasatan.

"Operasi ini adalah usaha berterusan JAS dalam mencegah insiden pencemaran alam sekitar khususnya pencemaran air pada musim perayaan," katanya pada sidang media selepas Ops Gempur Raya di sebuah ki-

lang sekitar daerah ini, semalam.

Beliau berkata, antara kesalahan dikesan ialah pelepasan efluen perindustrian tidak terawat, pelupusan haram buangan berjadual serta melepaskan asap lebih daripada kadar ditetapkan.

Katanya, operasi akan ditumpu kepada kawasan perindustrian berisiko tinggi menyumbang kepada pencemaran.

"Ini termasuk premis yang mempunyai tahap pematuhan rendah kepada AKAS 1974 atau premis bermasalah dari sektor industri seperti pembuatan produk logam, kertas, makanan, kimia, berasaskan getah dan plastik.

"Tumpuan turut diberi kepada premis di hulu takat pengambilan air," katanya.

Nik Nazmi yakin pindaan AKAS bagi fasa satu yang menaikkan penalti denda sehingga RM10 juta akan diwartakan tahun ini.



Nik Nazmi (kanan) bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) ketika melakukan pemeriksaan kilang sekitar Shah Alam dalam Ops Gempur Raya. (Foto ihsan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam)

6.	TAJUK	SISA MINYAK DI LRA SUNGAI LABU, LUAS AKTIFKAN KOD KUNING
	SUMBER	BH (5 APRIL 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	21 (NASIONAL)

Sisa minyak di LRA Sungai Labu, LUAS aktifkan Kod Kuning

Tindakan pencegahan diambil elak pencemaran merebak ke sungai

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengaktifkan Kod Kuning selepas menemui kesan minyak hitam di aliran longkang Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Labu, Sepang, semalam.

Agensi itu menerusi hantaran di laman Facebook memaklumkan, dalam kejadian se-

kitar jam 10 pagi semalam dan pengaktifan dilakukan mengikut Manual Kecemasan Pencemaran Sumber Air untuk tindakan siasatan menyeluruh serta mitigasi segera.

"LUAS segera melaksanakan tindakan pencegahan awal dengan meletakkan oil boom dan oil pad di lokasi parit monsoon yang mengalir ke Sungai Labu bagi memerangkap dan menghalang aliran kesan minyak tersebut dari mengalir ke sungai berhampiran.

"Pemerhatian awal mendapati tiada kawasan perindustrian atau bengkel membaiki kenderaan di bahagian hulusungai," katanya, di sini.

Sisa minyak berkumpul

LUAS berkata, siasatan lanjut pihaknya di lokasi kejadian men-

dapati sisa minyak tersebut terkumpul di bawah jambatan jalan utama dengan anggaran panjang aliran adalah 1.8 kilometer yang disyaki berpunca daripada pembuangan minyak di aliran longkang tersebut.

Beliau berkata, pensampelan ujian bau yang dilaksanakan merekod bacaan sehingga lima ton dan bau seakan-akan minyak bitumen.

"Jarak di antara lokasi insiden ke LRA Sungai Labu adalah sekitar 0.75 kilometer dan LRA Salak Tinggi adalah 5.78 kilometer.

"Setakat ini keadaan adalah terkawal dan tiada permasalahan dan kesan kepada muka sauk bekalan air," katanya.

Agensi itu berkata, kerja-kerja pembersihan segera digerakkan di lokasi dan pihaknya memantau rapi keadaan semasa.



Kesan minyak hitam di aliran longkang Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Labu, Sepang. (Foto Ihsan FB LUAS)

7.	TAJUK	KUPANG PORT DICKSON DICEMARI BIOTOKSIN, TAK SELAMAT DIMAKAN.
	SUMBER	BH (5 APRIL 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	22 (NASIONAL)

Kupang Port Dickson dicemari biotoksin, tak selamat dimakan

Jabatan Perikanan nasihatkan orang ramai tidak memakan kerangan dalam tempoh 20 hari

Oleh Mohd Khidir Zakaria
bhnews@bh.com.my

Port Dickson: Jabatan Perikanan mengesahkan hasil analisis dilakukan ke atas kupang dan air di perairan Port Dickson, khususnya di Kampung Telok dan Sungai Sekawang di Pasir Panjang, di sini dicemari biotoksin dan tidak selamat dimakan.

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan, Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, ia berdasarkan analisis dijalankan makmal Pusat Biosekuriti Perikanan di Kuala Lumpur.

"Analisis dijalankan mendapati terdapat alga berbahaya iaitu spesies *Prorocentrum*, *Alexandrium* dan *Pseudonitzschia* pada kupang yang diambil sampel di perairan Port Dickson.

"Jabatan akan meneruskan pemantauan berterusan dengan melakukan pengujian secara berkala mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan, sehingga kepadatan sel dalam air berkurang dan biotoksin di dalam isi kupang tidak dikesan," katanya ketika sidang media di Pusat Ikan Hiasan Port Dickson, semalam.

Pada masa sama beliau menyarankan orang ramai tidak mengambil kerangan seperti lala,



Pihak berkuasa mengambil sampel kupang dan kerang di Kampung Telok serta Sungai Sekawang, Port Dickson. (Foto Ihsan Persatuan Nelayan Kawasan Telok Kemang)

kerang dan loka di Port Dickson, selain tidak membenarkan ia dijual dan dipasarkan dalam pasaran awam.

Bagaimanapun, katanya makanan laut lain seperti ikan dan sotong di perairan berkenaan selamat dimakan.

Faktor cuaca panas

Dalam pada itu, Wan Muhammad Aznan berkata, pihaknya percaya mungkin cuaca panas antara faktor menyebabkan alga toksin ini merebak dan membiak dengan cepat.

Sehubungan itu, katanya dalam tempoh 20 hari ini orang ramai dinasihat tidak memakan kerangan dan pihaknya juga sudah mengeluarkan arahan kepada 40 penternak kupang di Pasir Panjang untuk tidak mengeluarkan hasil kerang masing-masing.

Mengenai perkembangan terkini kes keracunan kerang, beliau berkata sembilan kes direkodkan dan terkini hanya seorang pesakit iaitu lelaki berusia lingkungan 70-an masih mendapatkan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU).

Media sebelum ini melaporkan lapan individu dimasukkan ke hospital dengan dua daripadanya dirawat di ICU selepas mengalami keracunan akibat memakan kupang yang dibeli dari dua pasar di sekitar daerah ini.

Siasatan awal mendapati kesema kes terdiri daripada beberapa keluarga yang berbeza dan mempunyai sejarah memakan kupang yang dibeli dari dua pasar di sekitar Port Dickson.

Susulan itu, Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS) mengambil sampel kupang dan air di perairan Port Dickson bagi mengenal pasti punca kes keracunan makanan terbahit.

Sekiranya YBrS/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EIMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EIMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor